



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

## PEKELILING PENDAFTAR

---

Bilangan 19 Tahun 2016

### TAWARAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT STAF PENTADBIRAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL TAHUN 2016

#### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk mempelawa staf pentadbiran Kumpulan Pengurusan dan Profesional Universiti Teknologi MARA yang sedang berkhidmat dan memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk memohon jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan.

#### LATAR BELAKANG

2. Setiap skim perkhidmatan ada menyatakan dengan jelas syarat-syarat kenaikan pangkat. Seseorang staf yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat seperti yang diiklankan perlulah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i) Disahkan ke dalam perkhidmatan;
- ii) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 80% untuk tiga (3) tahun kebelakang;
- iii) Diperaku oleh Ketua Perkhidmatan/Jabatan;
- iv) Bebas dari hukuman tatatertib/jenayah;
- v) Telah menandatangani Surat Aku Janji;
- vi) Telah mengisytiharkan harta (termasuk setiap lima (5) tahun); dan
- vii) Telah memenuhi empat puluh dua (42) jam latihan untuk tempoh satu (1) tahun ke belakang.

3. Jawatan-jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan adalah seperti dalam Lampiran 1.

## PELAKSANAAN


4. Tatacara permohonan adalah seperti yang berikut:
- i) Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui sistem e-Kenaikan Pangkat dengan melayari laman web UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di Portal i-Staf.
  - ii) Permohonan bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional hendaklah mengemukakan satu salinan folio peribadi yang lengkap (boleh dimuat turun melalui sistem e-Kenaikan Pangkat) kepada Bahagian Kemajuan Kerjaya sebelum tarikh tutup permohonan.
  - iii) Permohonan yang tidak lengkap dianggap tidak memenuhi syarat dan akan ditolak serta merta.
  - iv) Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.
  - v) Hanya pemohon yang telah disenarai pilih akan dipanggil untuk sesi temu duga dan pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya. Keputusan penyenaian pilih adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
  - vi) Penempatan bagi calon berjaya adalah tertakluk kepada Surat Kelulusan Perjawatan dan juga keputusan pihak pengurusan universiti. Pihak pengurusan universiti berhak menentukan penempatan bagi calon berjaya/simpanan mengikut keperluan, di mana ianya adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
  - vii) Tarikh tutup permohonan adalah pada 20 Januari 2017.  
(Permohonan yang diterima selepas tarikh ini tidak akan diproses)

## TARIKH DIKELUARKAN

6. Pekeliling dikeluarkan pada 27 Disember 2016.

## TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 27 Disember 2016.



**AZIDA AZMI**  
Pendaftar

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan  
Semua Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)  
No Siri : Bil. 19/2016)

**Kumpulan Pengurusan dan Profesional :**

Bil	Jawatan	Gred	Penempatan	Jumlah Kekosongan	Kategori Staf Yang Layak Mohon	Rujukan (Muka Surat)
1.	Pegawai Tadbir	N52	Universiti Teknologi MARA Shah Alam	2	UiTM seluruh sistem	1

**Kumpulan Pengurusan dan Profesional**

- i) Jawatan : **Pegawai Tadbir**
- ii) Gred Jawatan : **N52**
- iii) Kekosongan : **2**
- iv) Syarat Kelayakan :

Pegawai Tadbir Gred N48 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N52 yang kosong apabila telah :

- a) Disahkan dalam perkhidmatan;
  - b) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - c) Diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v) Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji N52

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM5,750.00	RM12,348.00	290